

KESEDARAN MASYARAKAT TERHADAP PENGURUSAN HARTA ANAK YATIM NEGERI SELANGOR

HASLIZA BINTI TALIB

hasliza@kuis.edu.my

SITI ZALEHA BINTI IBRAHIM
NORSAADAH BINTI DIN @ MOHAMAD NASIRUDIN
NORAINI BINTI MOHAMAD

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Masyarakat pernah dikejutkan dengan beberapa kes perebutan harta anak yatim. Ramai yang menyatakan rasa simpati dan solidariti terhadap nasib anak-anak yatim yang didakwa dinafikan hak mereka. Hak anak yatim bukan sahaja melibatkan penjagaan dan pemberian nafkah ke atas mereka, malah harta peninggalan si mati yang telah diberikan kepada anak yatim perlu diurus dengan sebaiknya. Justeru, kajian ini memfokuskan kepada pengurusan harta anak yatim di negeri Selangor. Kajian ini dijalankan secara metode kuantitatif berdasarkan pengumpulan data melalui kaedah soal selidik. Peserta kajian terdiri daripada wali, pengurus rumah anak yatim, ibu tunggal/balu, kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pengamal undang-undang dan masyarakat awam di sekitar Selangor. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim di negeri Selangor adalah berada pada tahap skor yang tinggi iaitu purata Min: 4.67, SP .541. Hasil kajian ini diharap mampu memberi kesedaran kepada masyarakat agar lebih memahami peranan dan tanggungjawab menguruskan harta anak yatim sebagaimana yang ditetapkan dalam Islam bagi memastikan institusi keluarga dan kebajikan anak yatim terus terpelihara.

Kata kunci: kesedaran masyarakat, pengurusan harta, anak yatim di Negeri Selangor

1. Pendahuluan

Anak yatim merupakan golongan yang perlu diberi perhatian bagi memastikan kebajikan mereka terpelihara. Peranan dan tanggungjawab ahli waris dalam menjalankan amanah ini adalah sangat besar kerana mereka bukan sahaja perlu bertanggungjawab dari sudut penjagaan diri, pemberian nafkah malah juga perlu mengurus harta-harta anak yatim dengan amanah. Rasulullah SAW sangat memuliakan mereka yang memelihara anak yatim.

Daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

كَافِلُ الْيَتِيمِ لَهُ أَوْ لِغَيْرِهِ أَنَا وَهُوَ كَهَاتَيْنِ فِي الْجَنَّةِ

Maksud: "Orang yang menanggung anak yatim miliknya atau milik orang lain, aku dan dia seperti dua ini (Nabi SAW mengisyaratkan dengan dua jari baginda SAW) di surga.

[Riwayat Muslim, (2983)]

2. Latar Belakang Kajian

Islam sangat mengambil berat tentang kebajikan anak yatim dan mewasiatkan agar berbuat baik kepada mereka. Jika kita meneliti al-Quran, perkataan al-yatim disebut sebanyak 23 kali dalam al-Quran di samping hadis-hadis lain yang menceritakan tentang kelebihan berbuat baik kepada anak yatim. Walaupun terdapat anjuran berbuat baik kepada anak yatim, terdapat juga ancaman yang berat bagi mereka yang menganiayai anak yatim. Antara yang perlu dititikberatkan adalah hukum mengambil harta anak yatim secara batil. Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتِيمِ ظُلْمًا إِنَّهُمْ يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا ١٠

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu menelan api sepenuh perutnya dan mereka akan masuk ke dalam api yang menyala-nyala (neraka).

(al-Nisa': 10)

Syeikh al-Tantawi RA di dalam tafsirnya bahawa memakan harta anak yatim secara zalim itu sama ada melalui pewarisan ataupun orang yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskannya lalu memakannya dengan cara yang batil. Allah SWT menggunakan kalimah zalim untuk memberi amaran kepada si pemakan harta anak yatim kerana anak yatim itu dizalimi. Mereka juga golongan yang lemah, tidak ada kudrat dan upaya untuk membela diri. Ayat tersebut juga secara tidak langsung menunjukkan kepada kita bahawa harta anak yatim itu boleh diambil namun bukanlah dengan cara yang batil lagi zalim yang mana akan dibincangkan selepas ini.

Al-Imam Ibn Kathir RA juga turut menukulkan perkataan al-Suddi mengenai azab yang diterima oleh pemakan harta anak yatim secara batil di hari kebangkitan kelak. Mereka yang memakan harta anak yatim secara batil ini akan dibangkitkan dan dibakar sehingga api keluar dari dirinya, dari kedua telinganya, dari hidung dan kedua matanya. Apabila dilihat akan keadaan mereka seperti itu, maka diketahuilah bahawasanya mereka itu adalah golongan yang memakan harta anak yatim secara batil (Tafsir Al-Quran Al-'Azim. Dar Al-Taybah, (2/223). Dalam sebuah hadis, disebutkan bahawa memakan harta anak yatim termasuk dalam salah satu dosa besar. Nabi SAW bersabda:

اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ. قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ " الشِّرْكُ بِاللَّهِ، وَالسِّحْرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الزَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ

Maksudnya:

Jauhilah tujuh dosa besar. Bertanya para sahabat: Wahai Rasulullah, siapakah mereka itu?. Jawab Baginda: Syirik kepada Allah, sihir, membunuh manusia yang diharamkan oleh Allah SWT kecuali mereka yang dibenarkan oleh syarak, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari medan perang dan melemparkan tuduhan qazaf terhadap wanita mukmin.

(Riwayat Al-Bukhari (6897) & Muslim (89))

Meskipun al-Quran dan al-Sunnah melarang memakan harta anak yatim secara batil, terdapat juga petunjuk agar harta anak yatim diuruskan dengan baik oleh orang yang diberi tanggungjawab untuk menguruskannya dan dibolehkan untuk mengambil sedikit dari harta tersebut untuk kegunaan yang makruf. Sebagai contoh, sekiranya orang yang menguruskan harta anak yatim itu dari kalangan fakir, maka boleh diambil upah dari harta tersebut. Ini dibenarkan di dalam Islam sebagaimana yang telah difirmankan oleh Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَهُمْ إِسْرَافًا وَبِدَارًا أَنْ يَكْبَرُوا وَمَنْ كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya:

Dan janganlah kamu makan harta anak yatim lebih dari batas kepatutan dan (janganlah kamu) tergesa-gesa (membelanjakannya) sebelum mereka dewasa. Barang siapa (di antara pemelihara itu) mampu, maka hendaklah ia menahan diri (dari memakan harta anak yatim itu) dan barangsiapa yang miskin, maka bolehlah ia makan harta itu dengan sewajarnya.

(al-Nisa': 6)

Allah SWT menerangkan tentang keharusan seseorang wali menggunakan harta anak yatim di bawah jagaannya mengikut kadar yang sewajarnya. Bagi wali yang kaya, mereka perlu menahan diri dari menggunakan harta tersebut. Manakala bagi wali yang miskin, maka dibolehkan untuk mengambil sedikit dari harta anak yatim sekadar yang makruf. Para ulama' berbeza pendapat pada apa yang dimaksudkan dengan *al-ma'ruf* itu. Sebahagian mengatakan dengan meminjam dari harta tersebut dan kemudian memulangkannya sehingga Allah SWT memudahkan urusannya. Ini adalah pendapat Umar bin al-Khattab, Ibn 'Abbas, 'Abidah al-Salmani, Ibn Jubair, al-Sya'bi, Mujahid, Abu al-'Aliyah dan al-Auza'ie. Manakala menurut al-Nakha'ie, 'Ato', al-Hasan dan Qatadah bahawa bagi mereka yang miskin tidak perlu untuk memulangkan harta tersebut setelah meminjamnya selagi mana ianya diambil untuk perkara makruf dan ini juga adalah pendapat jumhur para fuqaha' (Fath al-Qadir. Dar Ibn Kathir, (1/491).

Seterusnya yang dimaksudkan dengan *al-ma'ruf* itu juga adalah perkara biasa yang dikenali oleh manusia. Janganlah bermewah-mewahan dengan harta anak yatim dan berlebihan dalam menikmati harta mereka dalam bentuk makanan, minuman, pakaian dan tidaklah ditinggalkan untuk dirinya itu dari sekadar mencukupkan keperluan dan juga menutup aurat (Fath al-Qadir. Dar Ibn Kathir, (1/491). Inilah yang dimaksudkan dengan mengambil harta anak yatim dengan kadar yang makruf dan ayat ini ditujukan kepada mereka yang menjadi mutawalli untuk menguruskan harta anak yatim tersebut. Sewajarnya bagi wali perlu memahami konteks ayat ini tentang kepentingan memberi hak-hak anak yatim dan amanah dalam menjaga harta-harta mereka.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berdasarkan pengumpulan data melalui soal selidik. Satu set soal selidik telah dibina dan menggunakan bahasa Melayu yang mengandungi 5 bahagian iaitu bahagian A,B,C,D dan E. Bahagian A adalah berkaitan dengan profil demografi responden. Bahagian B pula berkaitan dengan maklumat kesedaran masyarakat terhadap penjagaan anak yatim. Manakala bahagian C pula berkaitan dengan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim. Seterusnya bahagian D pula berkaitan dengan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim dan bahagian E pula berkaitan dengan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan anak yatim di negeri Selangor.

Soal selidik ini menggunakan Skala Likert iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Berdasarkan Skala Likert ini, data dan maklum balas yang diperolehi diproses dan dianalisa secara kuantitatif menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Science) versi 25. Skala Likert digunakan bagi memudahkan responden untuk menjawab dan memudahkan data dianalisis.

Peserta kajian adalah terdiri daripada wali, pengurus rumah anak yatim, ibu tunggal/balu, kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pengamal undang-undang dan masyarakat awam di beberapa buah daerah di negeri Selangor iaitu Daerah Sepang, Daerah Hulu Selangor dan Daerah Klang. Pemilihan lokasi ini bertepatan dengan pandangan Neuman (2006), Marohaini Yusof (2004) dan Sidek Mohd. Noah (2002) yang mencadangkan empat faktor untuk dipertimbangkan dalam pemilihan tapak atau lokasi kajian; kaya dengan data, ketidakbiasaan (unfamiliarity), sesuai dan mempunyai rangkaian sosial yang baik. Kaedah persampelan yang digunakan bagi memilih sampel adalah kaedah persampelan secara rawak. Kaedah ini digunakan bagi memastikan setiap ahli mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian ini (Ary et al 1996). Kajian yang menggunakan reka bentuk kuantitatif ini menggunakan satu set soal selidik untuk diedarkan kepada 400 orang responden yang berumur antara 20-70 tahun. Metode soal selidik yang digunakan dalam kajian tinjauan ini adalah untuk mendapatkan maklumat secara umum tentang tahap kesedaran masyarakat terhadap peranan wali kepada anak yatim di negeri Selangor.

4. Dapatan Kajian

Analisis deskriptif taburan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim dalam kalangan masyarakat di negeri Selangor, dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1
Kesedaran Masyarakat terhadap pengurusan harta Anak Yatim

Perkara	Min	SP
Wali yang menguruskan harta anak yatim mestilah seorang yang amanah.	4.67	.541
Penyelewengan harta anak yatim adalah haram dan wajib diganti.	4.65	.653
Harta anak yatim adalah amanah yang perlu diurus dengan baik.	4.63	.547

Pemerintah perlu mengaudit akaun rasmi milik organisasi atau wali bagi mengelakkan pecah amanah.	4.27	.756
Organisasi atau wali yang mengurus harta anak yatim perlu mempunyai akaun rasmi.	4.25	.748
Harta anak yatim perlu diuruskan oleh organisasi yang berintegriti.	4.25	.799
Wali tidak boleh menggunakan harta anak yatim tanpa batasan.	4.22	1.159
Harta anak yatim boleh dikembangkan untuk mendapat pulangan untung.	3.72	1.043
Harta anak yatim hanya digunakan untuk kepentingan mereka sahaja.	3.45	1.289
Wali anak yatim lebih mementingkan hak harta pusaka berbanding tanggungjawab mereka kepada anak yatim	3.15	1.340
Min Keseluruhan	4.13	.39147

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Hasil kajian menunjukkan nilai min keseluruhan tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim berada pada (Min: 4.13, SP: .39147). Hal ini menunjukkan tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim dalam kalangan masyarakat di negeri Selangor berada pada skor yang tinggi. Berdasarkan sepuluh item yang mengukur tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim juga, didapati min bagi setiap item berada pada skor 4.67 hingga 3.15. Ini menunjukkan bahawa responden memberikan skor tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim yang sederhana dan tinggi.

Jadual 1 menunjukkan nilai min bagi setiap item untuk mengukur tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim dalam kalangan masyarakat di negeri Selangor. Susunan item dalam jadual berdasarkan min yang tertinggi kepada yang terendah. Dalam aspek ini, item “Wali yang menguruskan harta anak yatim mestilah seorang yang amanah.” mencatatkan nilai min yang paling tinggi (Min: 4.67, SP: .541) yang menyumbang kepada kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim. Min kedua tertinggi pula adalah pada item “Penyelewengan harta anak yatim adalah haram dan wajib diganti” dengan nilai (Min: 4.65, SP: .653). Seterusnya diikuti dengan item “Harta anak yatim adalah amanah yang perlu diurus dengan baik” dengan nilai (Min: 4.63 , SP: .547).

Manakala item “Harta anak yatim boleh dikembangkan untuk mendapat pulangan untung” dengan nilai (Min: 3.72, SP: 1.043) menunjukkan nilai min ketiga terendah. Ini diikuti oleh item “Harta anak yatim hanya digunakan untuk kepentingan mereka sahaja” (Min: 3.45, SP: 1.289). Seterusnya item “Wali anak yatim lebih mementingkan hak harta pusaka, berbanding tanggungjawab mereka kepada anak yatim” mencatatkan nilai min yang paling rendah iaitu (Min: 3.15, SP: 1.340).

5. Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan nilai min keseluruhan tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim berada pada (Min: 4.13, SP: .39147). Hal ini menunjukkan tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim dalam kalangan masyarakat di negeri Selangor berada pada skor yang tinggi. Berdasarkan sepuluh item yang mengukur tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim juga, didapati min bagi setiap item berada pada skor 4.67 hingga 3.15, yang menunjukkan bahawa responden memberikan skor tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim yang sederhana dan tinggi. Hal ini juga disokong oleh kajian Muhammad Saifuddin (2018), mengatakan bahawa kehidupan anak-anak yatim perlulah dipelihara dengan sebaiknya. Anak yatim juga merupakan amanah Allah SWT kepada manusia agar memberikan layanan yang baik dan sempurna.

Harta anak yatim itu tidak boleh dibiarkan tidak terurus. Ini bagi memastikan supaya kebajikan anak itu terjamin sama ada semasa sekarang ataupun apabila boleh mengambil alih harta itu apabila besar nanti. Islam membenarkan agar dilantik mutawalli untuk menjaga kebajikan anak tersebut. Mutawalli boleh terdiri daripada seorang, dua atau tiga orang untuk menjamin kebajikan dan integriti harta tersebut. Harta itu juga boleh diuruskan oleh organisasi, perbadanan atau institusi, yang akaunnya diaudit setiap tahun. Oleh itu, mutawalli yang menjaga harta anak yatim mestilah seorang yang amanah dan dipercayai, bukannya dalam kalangan orang fasiq, memiliki masalah moral dan diketahui pecah amanah (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2016).

Seterusnya item ketiga terendah iaitu “Harta anak yatim boleh dikembangkan untuk mendapat pulangan untung” dengan nilai (Min: 3.72, SP: 1.043). Dapatan disokong oleh kajian Siti Shamsiah Md. Supi (2016). Beliau menyatakan bahawa harta-harta anak yatim ini perlu diurus, dikembangkan dan dilabur bagi membolehkan anak-anak ini mendapat pulangan dan faedah. Terdapat banyak transaksi pelaburan yang patuh syariah seperti murabahah, mudharabah, persyarikatan (musyarakah), pertanian (mazra’ah) dan sebagainya.

Dapatan ini jelas menunjukkan masyarakat faham bahawa harta tersebut boleh digunakan untuk tujuan pengembangan harta. Ia boleh digunakan bagi tujuan lain dan bukan sekadar untuk perbelanjaan dan kegunaan harian sahaja. Ini terbukti pada item “Harta anak yatim hanya digunakan untuk kepentingan mereka sahaja” mencatatkan min kedua terendah iaitu (Min: 3.45, SP: 1.289).

Manakala bagi item “Wali anak yatim lebih mementingkan hak harta pusaka, berbanding tanggungjawab mereka kepada anak yatim.” mencatatkan nilai min yang terendah iaitu (Min: 3.15, SP: 1.340). Berdasarkan Hal ini menunjukkan responden secara keseluruhannya berpandangan wali anak yatim lebih mementingkan tanggungjawab menjaga anak yatim berbanding daripada menuntut hak harta pusaka. Dapatan ini didapati selari dengan tuntutan Islam yang menuntut supaya ahli waris memberi perhatian yang lebih terhadap anak yatim dalam menunaikan hak-hak mereka. Walau bagaimanapun seperti paparan berita-berita di akhbar, penyalahgunaan harta anak yatim dalam kalangan waris tetap juga wujud dalam masyarakat namun kajian menunjukkan ia tidak berleluasa. Masyarakat tetap perlu diberi panduan dan kefahaman bahawa tanggungjawab menjaga dan memastikan kebajikan anak yatim terpelihara bukan hanya terhad kepada ibu sahaja malah yang lebih utama ialah wali sebelah ayah termasuk datuk dan bapa saudara.

6. Kesimpulan

Pengurusan dan pentadbiran harta anak-anak yatim amat perlu diberi perhatian yang serius bagi memastikan hak dan kebajikan mereka terpelihara. Golongan anak yatim merupakan amanah yang amat besar terutama kepada wali mereka. Selain daripada menjaga kebajikan mereka, harta-harta pusaka yang ditinggalkan perlu diurus dan dikembangkan seterusnya diserahkan kepada mereka apabila telah menepati syarat-syarat tertentu.

7. Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Al- Mawardi, al- Imam Abi Hasan Ali, Ibn Muhammad Ibn Habib. 1999. *Al-Hawi al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Shaukani, Muhammad Bin Ali Bin Muhammadi. *Fath al-Qadir*. Dar Ibn Kathir. Vol 1.

Al-Tantawi. Tafsir al-Waseet. Dar Nahdhah Misr. Vol 3.

Ary, D, Jacobs, L. C. & Razavieh, A. 1996. *Introduction to Research in Education*. Orlando, Florida: Harcourt Brace College Publishers.

Ibn Kathir, Isma‘il bin ‘Amr. 1999. *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*. Dar Taybah. Vol 2.

Muhammad Saifuddin Abdul Hadi & Abu Yazid Abu Bakar. 2018. *Aspirasi Kerjaya Di Kalangan Anak Yatim Remaja Di Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah*. Kuala Lumpur: UM. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018)

Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & ‘Ali al-Sharbaji. 2009. *Kitab Fikah Mazhab Syafi’i*. Terj. Ridzuan Hashim, Juanda Jaya, Azizi Ismail, Mohd Asri Hashim & Salehan Ayub. Batu Caves: Pustaka Salam.

Neuman, W. Lawrence. 2006. *Social Research Methods*. Ed. Ke- 5. New York:Pearson Education Inc.

Wahbah al-Zuhaili. 2011. *Fiqh Islam Wa Adillatuhu*. Jilid 10. Darul Fikir Kuala Lumpur.

Siti Shamsiah Md Supi. 2016. /http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2016/12/01/bagaimana-melindungi-harta-anak-anak-yatim/

Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2016. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/1135-bayan-linnas-siri-72-anak-yatim-ihsanilah-dan-bertaqwalah/>